

## **HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DENGAN TEKAD KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA (SMKA)**

### ***RELATIONSHIP BETWEEN SKILLS ENTREPRENEURSHIP WITH ENTREPRENEURIAL INTENTION IN THE SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA (SMKA)***

**Esmalaily Muhamad Akhsan<sup>1</sup>**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Email: esmaroselily@gmail.com)

**Norasmah Othman<sup>2</sup>**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Email: lin@ukm.edu.my)

*Accepted date: 14-05-2019*

*Published date: 08-07-2019*

**To cite this document:** Akhsan, E. M., & Othman, N. (2019). Hubungan antara Kemahiran Keusahawanan dengan Tekad Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(31), 305-317.

**DOI:** 10.35631/IJEP.4310027

---

**Abstrak:** Kemahiran keusahawanan merupakan kemahiran yang ada dalam diri pelajar dan ia perlu di gilap agar kemahiran ini sentiasa digunakan sekaligus melahirkan pelajar yang memiliki tekad keusahawanan. Kemahiran keusahawanan yang diketengahkan dalam kajian ini adalah pengetahuan kreativiti dan perhubungan sosial. Kertas kerja ini bertujuan memperihalkan tentang kemahiran keusahawanan pelajar dan seterusnya mengenal pasti sama ada wujud hubungan antara kemahiran keusahawanan dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan melibatkan seramai 196 pelajar SMKA yang dipilih secara strata. Hasil data yang dianalisis mendapati keseluruhan tahap kemahiran keusahawanan dan tekad keusahawanan pelajar SMKA berada pada tahap tinggi. Ini jelas menunjukkan pelajar SMKA mempunyai tahap kemahiran keusahawanan yang baik di sebabkan persekitaran sekolah yang lebih terkawal jika. Dapatan juga menunjukkan pelajar SMKA juga mempunyai tekad yang tinggi untuk bergelar usahawan di masa hadapan.

**Kata Kunci:** Kemahiran Keusahawanan, Pengetahuan, Kreativiti, Hubungan Sosial, Tekad Keusahawanan

**Abstract:** *Entrepreneurship skills are the skills of the students and they need to be flexible so that the skills are always used as well as to produce students with entrepreneurial determination. The entrepreneurship skills highlighted in this study are knowledge, creativity and social relationships. This paper aims to describe the students' entrepreneurial skills and to identify whether there is a relationship between entrepreneurial skills and entrepreneurial determination amongst the secondary school students (SMKA). The study used questionnaire as a research instrument and involved 196 students in SMKA were selected by strata process. The results of the data analyzed found that the overall level of entrepreneurship skills and entrepreneurship skills of SMKA students was at high level. This clearly shows that SMKA students have a good level of entrepreneurial skills due to the more manageable school environment. The findings show that SMKA students also have a high commitment to become future entrepreneurs.*

**Keywords:** *Skill Entrepreneurship, Entrepreneurial Entrepreneurship, Knowledge, Creativity, Social Relationship*

---

## **Pengenalan**

Kemahiran Keusahawanan merupakan minat dan keupayaan untuk meneroka peluang serta membangunkan kesedaran terhadap risiko (*risk awareness*), kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan. (Mohd Hafeez 2013). Tidak semua individu memiliki kemahiran keusahawanan. Ia merupakan satu bonus terhadap individu yang mempunyai kemahiran semula jadi berkaitan keusahawanan. Malah menurut Ura (2012), kemahiran keusahawanan perlu dipupuk dari sekolah rendah agar budaya keusahawanan ini ada dalam diri pelajar.

Keusahawanan merupakan satu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Ura Pin @ Chum 2012). Keusahawanan merupakan antara bidang kerjaya yang sangat penting. Kerajaan bermatlamat menjadikan bidang keusahawanan terutamanya sektor industri kecil dan sederhana sebagai penyumbang utama peluang pekerjaan baru, dan seterusnya membantu perkembangan ekonomi negara. Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan bagi mencapai matlamat tersebut antaranya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam pembangunan keusahawanan di Malaysia (Mohd Hafeez, 2013). Keusahawanan dapat dilihat sebagai satu agen perubahan yang boleh membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Banyak usaha telah dan sedang dilakukan untuk menggalakkan lebih ramai orang terlibat dalam bidang keusahawanan. Sebagai contoh, pihak sekolah berkerjasama dengan kerajaan dalam Program Tunas Niaga untuk melahirkan lebih ramai usahawan muda dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Usahawan yang berjaya adalah usahawan yang mempunyai sifat inovatif yang tinggi yang dapat merealisasikan idea dan produk baru dalam pasaran sekaligus dapat menggalakkan persaingan dalam pasaran.

Pembudayaan keusahawanan merupakan satu proses jangka panjang dan berterusan bagi menarik minat semua lapisan masyarakat dalam menceburi bidang perniagaan. Proses pembudayaan ini merangkumi golongan pelajar di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan masyarakat umum. Menyedari bahawa pemupukan budaya keusahawanan perlu dilakukan sejak awal lagi iaitu di peringkat sekolah, maka kerajaan telah melaksanakan usaha yang penting ke arah

membangunkan usahawan melalui pelaksanaan pendidikan keusahawanan melalui aktiviti kurikulum, kegiatan kokurikulum (Ura Pin @ Chum 2012). Berdasarkan Mohd Shahrir (2015) seorang usahawan yang berjaya adalah yang mempunyai pendidikan yang lebih baik, berasal daripada keluarga yang mempunyai pengalaman menjalankan perniagaan, memiliki beberapa perniagaan (melalui pengalaman), inginkan pencapaian yang tinggi, lokus dalaman untuk mengawal dan mampu mengambil risiko yang sederhana. Penerapan budaya keusahawanan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) didedahkan melalui mata pelajaran yang berorientasikan keusahawanan seperti Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB), Perdagangan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Perakaunan dan Ekonomi (Ura Pin @ Chum 2012) dan program-program keusahawanan seperti PROTUNE. Noor Hayati (2015) ada mendakwa walaupun pelajar masih kecil untuk terlibat secara langsung dalam dunia perniagaan sebenar, namun tidak salah untuk mereka didedahkan kepada pengetahuan dan kemahiran pengurusan asas jual beli yang mudah.

### **Pernyataan Masalah**

Bagi memenuhi keperluan semua rakyat dan memastikan negara seiring dengan negara membangun dan maju di peringkat antarabangsa, adalah penting untuk negara melakarkan wawasan kejayaan dalam sistem pendidikan. Oleh itu, penerapan nilai keusahawanan dan perubahan minda perlu dilaksanakan supaya murid lebih berminat dengan bidang keusahawanan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah menyatakan ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global antaranya adalah kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, pengetahuan dan identiti nasional. Justeru, tanggungjawab guru amat penting dalam mengerakkan perubahan minda pelajar tentang keusahawanan. Pendedahan kepada keusahawanan perlu diberikan kepada pelajar sejak di peringkat sekolah rendah lagi supaya mereka boleh menyesuaikan diri sekiranya sukar untuk mendapatkan pekerjaan mengikut bidang yang mereka inginkan selepas tamat pengajian kelak. Kemahiran keusahawanan perlu diterapkan dalam pembelajaran agar pelajar tidak bergantung sepenuhnya kepada silibus semata-mata (Mohd Hafeez 2013). Kemahiran keusahawanan ini bukan sahaja melibatkan usaha pelajar tetapi warga pendidik juga perlu memainkan peranan mereka dalam menerapkan elemen kemahiran keusahawanan dalam pembelajaran dan pengajaran. Kesediaan warga pendidik dalam memberi input sangat penting dalam melaksanakan proses pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Ini kerana guru merupakan faktor kritikal dalam menentukan kejayaan proses pembudayaan tersebut. Antara masalah yang timbul guru belum menghayati sepenuhnya tujuan, kandungan dan kaedah pelaksanaan dan ilmu sebelum berkongsi dengan pelajar (Abu Bakar 2013). Tambah beliau lagi, kepincangan timbul apabila terdapat segelintir guru melaporkan mereka tidak diberikan latihan khusus atau kemahiran untuk membolehkan mereka mengajar berkaitan keusahawanan, kreativiti atau inovasi dan yang menyedihkan mereka hanya diberitahu untuk mengajar dengan kreatif tetapi tidak diberikan panduan bagaimana untuk melakukannya. Masalah timbul apabila guru tidak kompeten akan menyebabkan pelajar menjadi tidak berminat terhadap bidang keusahawanan itu sendiri. Isu pembelajaran yang hanya tertumpu di dalam bilik darjah serta penglibatan guru dengan pelajar sahaja langsung tidak membantu pelajar masa kini dalam memberikan pengetahuan terutama berkaitan ilmu keusahawanan (Isa 2008). Tambah beliau lagi, pelajar cepat menjadi tidak produktif sekiranya berjumpa guru yang sama. Sesekali guru boleh melibatkan pelajar dengan pelanggan sebenar, penceramah dalam kalangan usahawan agar pelajar mendapatkan pengalaman sebenar tentang ilmu asas perniagaan dalam kalangan pelajar. Penilaian terhadap keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah amat penting. Penilaian ini penting dalam memastikan tekad pelajar untuk menjadi usahawan kelak

sentiasa semangat. Ia agak merugikan pihak sekolah khususnya dan negara secara amnya jika semangat pelajar sekaligus generasi akan datang luntur untuk menjadi seorang usahawan. Ini kerana di peringkat sekolah, bidang keusahawanan merupakan salah satu daripada bidang yang amat diminati oleh kebanyakan pelajar. Namun, aliran keusahawanan ini ditawarkan adalah untuk memberikan pendedahan awal di dalam membangunkan kemahiran serta minat di dalam perniagaan seterusnya sebagai persediaan kepada pelajar untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya mereka pada masa hadapan. Di samping, perniagaan dan keusahawanan memberikan sumbangan kepada pendapatan negara (Wan 2016).

### **Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti tahap kemahiran keusahawanan yang wujud dalam kalangan pelajar.
2. Mengenal pasti tahap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar SMKA.
3. Mengenal pasti terdapat hubungan antara kemahiran keusahawanan dengan tekad keusahawanan.

### **Tinjauan Literatur**

#### ***Kemahiran Keusahawanan***

Kemahiran keusahawanan yang boleh diajar, termasuklah kemahiran membuat keputusan mengikut gerak hati, penyelesaian masalah secara kreatif, boleh berusaha sendiri, kemahiran untuk menamatkan perundingan perniagaan dengan baik (*close deals*), pengurusan strategik, pengurusan masa, pengurusan projek, memujuk, menjual, berunding dan memotivasikan orang lain melalui teladan yang ditunjukkan (Ura Pin @ Chum 2012). Berdasarkan Yusof et al. (2013) kemahiran keusahawanan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini melaporkan bahawa kemahiran keusahawanan merupakan kemahiran kebolehpasarkerja yang perlu diberi penekanan oleh pihak institusi kerana tahap penguasaan kemahiran ini berada tiga terke bawah berbanding kemahiran yang lain. Penguasaan kemahiran kebolehpasarkerja dalam kalangan pelajar merupakan isu yang kritikal bagi sesebuah negara dan juga Institusi Pendidikan. Perubahan dan persaingan yang berlaku dalam dunia pekerjaan kini memerlukan institusi pendidikan menyediakan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran yang dapat memenuhi kehendak industry (Mohd Yusof et al. 2013).

Kajian Mohd Asri et al. (2012) pula mendapati bahawa penerapan kemahiran keusahawanan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah menunjukkan penerapannya pada tahap yang sederhana. Dapatan ini jelas menunjukkan pelajar masih belum dapat menguasai kemahiran keusahawanan di peringkat sekolah. Mereka juga menyatakan pencapaian dalam bidang akademik semata-mata tidak boleh menjamin seseorang memperolehi pekerjaan. Banyak perkara yang diutamakan oleh pihak majikan yang perlu diberi perhatian. Aspek tersebut termasuk sikap terhadap kerja dan pandangan hidup masa depan, penguasaan kemahiran asas yang terkini meliputi kemahiran, kebolehan berfikir secara kreatif dan kritis, disiplin diri, pengetahuan am, pendedahan kepada latihan dan bimbingan kerjaya (Mohd Asri et al. 2012).

#### ***Tekad Keusahawanan***

Tekad atau niat terhadap sesuatu tingkah laku telah dikenal pasti sebagai indikator terbaik untuk tingkah laku terancang, terutamanya jika tingkah laku tersebut jarang berlaku, sukar diperhatikan dan melibatkan jangka masa yang tidak dapat ditentukan (Mazura 2015). Tambah beliau lagi tekad merupakan petunjuk bagaimana sukarnya seseorang yang mahu mencuba dan sebanyak mana

usaha yang dirancang untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku. Tekad dipercayai sebagai peramal terhadap terbentuknya tingkah laku manusia dalam pelbagai situasi dan diiktiraf sebagai paling efektif dalam meramal tingkah laku manusia.


Terdapat beberapa model yang boleh digunakan untuk memahami tekad keusahawanan. Salah satu daripadanya Teori Tingkah Laku Terancang oleh Ajzen (1991). Teori Tingkah Laku Terancang (TTT) adalah urutan kepada Teori Tindakan Beralasan. Teori ini mengenal pasti tiga pemboleh ubah sikap yang mempengaruhi tekad. Tiga pemboleh ubah tersebut adalah sikap, norma subjektif dan tingkah laku. Faktor sikap individu itu sendiri dan faktor norma subjektif menggambarkan keinginan tertanggap untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku. Faktor ketiga iaitu tingkah laku kawalan tertanggap yang bermaksud keupayaan yang dianggap boleh dilaksanakan dan ini amat berkait dengan efikasi sendiri. Jelas di sini menyatakan tekad dibentuk oleh tiga elemen iaitu (1) sikap subjek terhadap sesuatu tingkah laku, (2) norma subjektif (persepsi subjek terhadap pandangan orang ramai terhadap tingkah laku yang dimaksudkan) dan (3) tingkah laku kawalan tertanggap (persepsi subjek terhadap kesukaran dan mudahnya melakukan tingkah laku yang dimaksudkan).

Teori Tingkah Laku Terancang (TTT) yang telah dipelopori oleh Ajzen (1991) dan merupakan lanjutan daripada Teori Tindakan Beralasan (Ajzen & Fishbein 1980) telah banyak diadaptasi dalam menilai tekad seseorang (Fayolle et al. 2006). Teori ini mengandaikan bahawa tingkah laku sosial seseorang adalah beralasan, boleh dikawal atau dirancang dalam melaksana dan melakukan sesuatu perkara. Menurut teori ini, seseorang hanya akan melaksanakan niatnya apabila dia merasakan mampu mengawal pelaksanaan tindakan tersebut. Kawalan yang dirasakan itu adalah mengikut tahap kesukaran dalam melakukan tingkah laku tersebut. Persepsi ini adalah berdasarkan kepada pengalaman dan halangan yang dihadapi oleh seseorang dalam melakukan tingkah laku tersebut. Kedua-dua teori ini mengandaikan tingkah laku adalah hasil daripada niat seseorang untuk bertindak mengikut perlakuan tertentu.

Berdasarkan kajian Mohd Zailani (2014) tekad keusahawanan tani bagi pelajar pertanian pada tahap yang sederhana. Kajian ini turut menyatakan hubungan tekad keusahawanan tani dengan ciri keusahawanan, efikasi keusahawanan dan nilai sosial keusahawanan tani. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara tekad keusahawanan tani dengan ciri keusahawanan ( $r = .244$ ,  $p < .05$ ) dan efikasi keusahawanan ( $r = .266$ ,  $p < .05$ ). Manakala terdapat hubungan positif tidak signifikan antara tekad keusahawanan tani dengan nilai sosial keusahawanan tani ( $r = .221$ ,  $p > .05$ ). Kajian ini menggunakan analisis korelasi Pearson. Ini menunjukkan pelajar pertanian masih belum mempunyai tekad keusahawanan tani yang tinggi walaupun mereka merupakan pelajar yang terdedah dengan ilmu keusahawanan dan ilmu sains pertanian melalui mata pelajaran kemahiran hidup bersepadu semasa di peringkat menengah rendah serta mata pelajaran sains pertanian yang mereka sedang ikuti sekarang. Hal ini, wajar di beri perhatian bagi mencapai matlamat kerajaan untuk melahirkan ramai golongan belia yang menceburi sektor pertanian sepenuh masa dan seterusnya menjadi usahawan tani yang berjaya. Kajian Wan Mohd et al. (2016) yang di laksanakan di 41 buah sekolah menengah untuk pelajar yang mengikuti Program Tunas Niaga. Kajian ini mendapati sebahagian kecil responden mempunyai tekad pada tahap sederhana dalam menceburi bidang keusahawanan. Ini kerana mereka masih memikirkan peluang yang ada dalam bidang keusahawanan dan mempunyai semangat tidak cukup kuat untuk bekerja sebagai usahawan. Mereka masih ketinggalan dari segi

ilmu pengetahuan, kemahiran, kewangan, perundangan dan strategi memulakan perniagaan. Mereka juga menganggap bidang keusahawanan memenatkan dan tidak menjamin kehidupan masa depan ketika negara mengalami masalah ekonomi. Jelas menunjukkan tekad pelajar untuk memilih bidang keusahawanan adalah pada tahap sederhana. Budaya keusahawanan masih belum dihayati sepenuhnya oleh responden dan ini boleh menyekat bakat terpendam mereka untuk menjadi usahawan generasi baru (Wan Mohd et al. 2016). Lanjutan kepada permasalahan ini pendedahan perlu diberikan kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan (Norfadhilah 2010).

### Kerangka Konseptual Kajian



**Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian**

Sumber : Adaptasi daripada Teori Tingkahlaku Ajzen (1991), teori pembelajaran Kolb (1984) Model Pembangunan Sosial Gibb dan Ritchie (1981), Model Pengajaran dan Pembelajaran Jackson et al. (2004) dan Teori Skema Jantina oleh Bussey dan Bandura (1999).

Model kerangka ini dibina dengan penyesuaian melalui gabungan bahagian-bahagian yang diadaptasi daripada teori pembelajaran Kolb (1984) yang memperincikan perihal kemahiran keusahawanan dan pengetahuan. Indikator kemahiran keusahawanan yang terlibat adalah kreativiti, pengetahuan dan perhubungan sosial. Perhubungan sosial adalah berdasarkan model pembangunan sosial. Model ini menyatakan proses yang dilalui serta perhubungan sosial yang dilakukan oleh seseorang memaksa diri mereka untuk melakukan perubahan dengan membuat keputusan untuk menceburkan diri dalam perniagaan (Gibb dan Ritchie 1981). Indikator yang seterusnya adalah kreativiti yang menggunakan Model sistem pengajaran dan pembelajaran untuk membantu pelajar dalam mengembangkan potensi kreatif mereka (Jackson et al. 2004). Teori lain

yang digunakan dalam kajian ini juga adalah Teori Tingkah Laku Terancang Ajzen (1991) bagi melihat tahap tekad keusahawanan pelajar untuk menjadi seorang usahawan sejurus menamatkan pengajian. Selain itu, teori yang digunakan adalah teori Skema Jantina oleh Bussey dan Bandura (1999) digunakan dalam kajian bagi menjawab sama ada pelajar lelaki atau perempuan yang mempunyai tekad menjadi seorang usahawan di masa hadapan.

### **Metodologi**

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan rekabentuk tinjauan untuk menjawab persoalan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk deskriptif ke atas 196 orang pelajar tingkatan empat daripada tiga buah sekolah di negeri Selangor. Pemilihan responden berdasarkan secara rawak berstrata telah digunakan. Instrument utama yang digunakan adalah borang soal selidik bagi menjawab persoalan kajian. Item-item soal selidik diadaptasi daripada Yahya et al. (2011) dan Mazurah (2015). Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu profil responden, tahap kemahiran keusahawanan pelajar dan tahap tekad keusahawanan pelajar. Bahagian A iaitu profil responden (16 item; bahagian B adalah kemahiran keusahawanan (15 item) dan bahagian C, tekad keusahawanan (15 item). Soal selidik menggunakan teknik skala likert Ia merangkumi amat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Responden dibenarkan untuk memilih satu jawapan sahaja di bahagian A dan soalan aneka pilihan jawapan di bahagian B dan C.

Populasi kajian adalah pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang melibatkan zon Selangor. Pengkaji memilih zon Selangor kerana jumlah jenis sekolah aliran agama yang banyak di zon ini. Kemudian, pengkaji kecilkan lagi skop pemilihan berdasarkan daerah. Tiga daerah yang terlibat ialah daerah Klang, Sepang dan Petaling Perdana. Pemilihan sekolah-sekolah di tiga daerah ini adalah kerana faktor kecemerlangan yang di raih sekolah tersebut. Antara sekolah yang dimaksudkan adalah sekolah Sekolah Menengah Agama Tinggi Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam; Sekolah Agama Menengah Sungai Merab Luar Sepang dan Sekolah Menengah Agama Tinggi Hissamuddin Klang. Sampel kajian terdiri daripada 196 pelajar tingkatan empat dengan berdasarkan Jadual Krejcie & Morgan 1970.

### **Profil Responden Kajian**

Profil responden kajian adalah seperti Jadual 1. Analisis mendapati majoriti pelajar adalah terdiri daripada 91 orang pelajar lelaki dan 105 orang pelajar perempuan yang dipilih secara rawak. Jumlah pelajar yang terlibat dalam aktiviti perniagaan adalah sebanyak 31 orang pelajar (15.8%) manakala, 165 pelajar (84.2%) tidak pernah terlibat dengan sebarang aktiviti perniagaan. Seterusnya seramai 68 orang pelajar mempunyai perniagaan sendiri (34.7%) dan 128 orang pelajar tidak mempunyai perniagaan sendiri dengan peratus 65.3%. Berkaitan dengan cadangan pelajar ingin memulakan perniagaan pada bila-bila masa mendapat peratus tertinggi sebanyak 50.5% dengan jumlah 99 orang pelajar. Diikuti dengan pelajar yang tidak pasti bila ingin berniaga sebanyak 53 orang pelajar dengan 27%. Manakala, setelah tamat SPM seramai 22 orang dengan peratus 11.2%. Seramai 9 orang pelajar pula bercadang ingin berniaga setahun selepas SPM dan lima tahun selepas SPM dengan masing-masing 4.6%. Sementara pelajar yang bercadang menjalankan perniagaan dua tahun selepas SPM adalah seramai 4 orang pelajar (2.0%).

**Jadual 1: Profil Responden Kajian**

Profil Demografi	Kategori	Bil	Peratus
Jantina	Lelaki	91	46.4 %
	Perempuan	105	53.6 %
Adakah anda terlibat dalam aktiviti perniagaan sekarang?	Ya	31	15.8 %
	Tidak	165	84.2 %
Ahli keluarga mempunyai perniagaan sendiri	Ya	68	34.7 %
	Tidak	128	65.3 %
Bilakah anda bercadang untuk menjalankan perniagaan?	Setelah tamat SPM	22	11.2 %
	Setahun selepas SPM	9	4.6 %
	Dua tahun setelah SPM	4	2.0 %
	Lima tahun setelah SPM	9	4.6 %
	Bila-bila pada masa hadapan	99	50.5 %
	Tidak pasti	53	27.0 %

**Dapatan dan Perbincangan**

Bahagian ini membincangkan mengenai dapatan kajian daripada tiga objektif dan disusuli dengan perbincangan.

*Soalan kajian pertama: Mengenal pasti Tahap Kemahiran Keusahawanan***Jadual 2: Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Kemahiran Keusahawanan Pelajar**

Item	n	Min	s.p
Keseluruhan Kemahiran Keusahawanan Pelajar	196	4.20	0.37

Dapatan kajian ini menunjukkan responden mempunyai jumlah in 4.20 dengan (s.p = 0.37) dengan ini menunjukkan tahap kemahiran keusahawanan pelajar SMKA berada pada tahap yang tinggi.

Kajian ini tidak selari dengan kajian Mohd Asri et al. (2012) yang mendapati bahawa penerapan kemahiran keusahawanan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah menunjukkan penerapannya ditahap yang sederhana. Dapatan ini jelas menunjukkan pelajar tidak dapat menguasai kemahiran keusahawanan di peringkat sekolah. Dapatan ini berbeza kerana kajian ini fokus kepada kokurikulum badminton sahaja. Manakala, berdasarkan kajian Yusof et al. (2013) kemahiran keusahawanan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini mendakwa bahawa kemahiran keusahawanan merupakan kemahiran kebolehpasaranekerja yang perlu diberi penekanan oleh pihak institusi. Dapatan ini berbeza adalah kerana faktor demografi responden yang berbeza kerana kajian ini melibatkan pelajar SMKA manakala kajian Yusof et al. (2013) melibatkan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).



*Soalan kajian kedua: Mengenal pasti Tahap Tekad Keusahawanan*

**Jadual 2: Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Tekad Keusahawanan Pelajar**

Item	n	Min	s.p
Keseluruhan Tekad Keusahawanan Pelajar	196	4.05	0.52

Dapatan kajian ini menunjukkan skor min keseluruhan bagi tahap tekad keusahawanan pelajar ialah 4.05 dengan (s.p = 0.52). dengan ini menunjukkan pelajar SMKA mempunyai tahap tekad keusahawanan yang tinggi.

Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap tekad keusahawanan pelajar SMKA tinggi dan ini menunjukkan pelajar SMKA mempunyai tekad yang kuat untuk memilih kerjaya sebagai seorang usahawan kelak. Kajian ini bertentangan dengan kajian Wan Mohd et al. (2016) yang di laksanakan di 41 buah sekolah menengah untuk pelajar yang mengikuti Program Tunas Niaga. Kajian ini mendapati sebahagian kecil responden mempunyai tekad pada tahap sederhana dalam menceburi bidang keusahawanan. Ini kerana mereka masih memikirkan peluang yang ada dalam bidang keusahawanan dan mempunyai semangat tidak cukup kuat untuk bekerja sebagai usahawan. Mereka masih ketinggalan dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran, kewangan, perundangan dan strategi memulakan perniagaan.

*Soalan Kajian Ketiga: Mengenal Pasti Hubungan antara Tahap Kemahiran Keusahawanan dengan Tekad Keusahawanan*

**Jadual 3: Hubungan Kolerasi**

Kolerasi antara	Interpretasi
0.80 – 1.00	Sangat Kuat
0.60 – 0.80	Kuat
0.40 – 0.60	Sederhana
0.20 – 0.40	Lemah
0.00 – 0.20	Sangat Lemah

Sumber: Sekaran, U. (2006)

Analisis dijalankan menggunakan Kolerasi *Pearson* dan keputusan dinyatakan dalam jadual 4. Di samping itu, untuk menguji kesignifikan hipotesis nul yang telah dibentuk dengan mengadaptasi intepretasi kekuatan nilai pekali korelasi berdasarkan tafsiran Cohen (1988). Berdasarkan Jadual 4. terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran keusahawanan dengan tekad keusahawanan dengan nilai  $r = 0.26$ ,  $p < 0.05$ , namun demikian kadar hubungan lemah (rujuk jadual 4). Menurut Guilford (1956) dalam Uma Sekaran (2003), pekali korelasi yang menunjukkan nilai antara 0.50 hingga 1.0 bermakna terdapat hubungan korelasi yang positif tetapi secara sederhana manakala pekali korelasi yang mempunyai nilai positif menunjukkan terdapat hubungan langsung antara pemboleh ubah bebas dan bersandar. Nilai kebarangkalian juga didapati kurang daripada aras signifikan, bermakna hipotesis nul ditolak. Ini menggambarkan terdapat hubungan signifikan yang lemah antara tahap kemahiran keusahawanan dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar SMKA. Dapatan ini berbeza dengan kajian (Wan Mohd Zaifurin et al. 2016) mendapati saiz pekali kolerasi ( $r$ ) antara kemahiran keusahawanan dengan kecenderungan

menceburi bidang keusahawanan adalah sederhana. Perbezaan ini adalah kerana faktor demografi responden dimana mengikuti program Tunas Niaga dan kursus keusahawanan dan perniagaan. Manakala, kajian ini selari dengan kajian Mohd Zailani et al. (2014) menunjukkan tekad keusahawanan tani dengan ciri keusahawanan menunjukkan hubungan positif yang signifikan tetapi lemah.

**Jadual 5: Analisis Korelasi Pearson Antara Kemahiran Keusahawanan Dengan Tekad Keusahawanan**

Pembolehubah	n	Nilai kolerasi (r)	Nilai signifikan (p)
Antara Kemahiran Keusahawanan dengan Tekad Keusahawanan	196	0.259	0.00

\*\* Signifikan pada aras  $p < 0.05$

### Implikasi dan Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran keusahawanan dan tahap tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar SMKA berada pada tahap tinggi. Kemahiran keusahawanan merupakan kemahiran yang ada dalam diri pelajar dan ia perlu digilap agar kemahiran ini sentiasa digunakan sekaligus melahirkan pelajar sebagai usahawan yang berdaya saing. Kemahiran yang diketengahkan dalam kajian ini adalah pengetahuan kreativiti dan perhubungan sosial. Sebagai seorang usahawan mereka perlu berpengetahuan, mempunyai kreativiti dan mempunyai hubungan sosial yang baik dengan semua lapisan masyarakat. Ini perlu dalam memastikan produk kekal lama dalam pasaran. Tekad keusahawanan pula merupakan niat atau tekad yang ada dalam diri pelajar untuk menjadi seorang usahawan kelak. Ia akan terus diikuti oleh keinginan dan keazaman yang kuat untuk menjadi seorang usahawan pada masa hadapan. Ini menggambarkan pelajar SMKA lebih berdaya saing dan kognitif. Pelajar SMKA juga mempunyai tekad untuk menjadi seorang usahawan di masa akan datang. Implikasi daripada kajian ini, untuk mencapai hasrat agar lebih ramai pelajar menceburi kerjaya keusahawanan, pelbagai pihak yang terlibat seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pentadbir sekolah, guru-guru, ibu bapa perlu bijak dalam menggembeling tenaga dengan memberi tumpuan untuk meningkatkan tekad pelajar agar memilih kerjaya keusahawanan sebagai kerjaya tetap mereka apabila menamatkan pengajian kelak. Hal ini bertujuan untuk menambahkan peluang pekerjaan kepada negara serta menambahkan bilangan usahawan terutama kepada belia. Diharapkan kajian ini, boleh menjadi satu input kepada pihak KPM untuk mengetahui tahap kemahiran dan tekad pelajar SMKA sekaligus mewakili pelajar sekolah menengah yang lain dalam melaksanakan inovasi dalam Pendidikan keusahawanan ini. Kajian ini hanyalah berbentuk tinjauan dan hanya melibatkan pelajar sahaja. Kajian lanjutan boleh dibuat dengan mendalam secara kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang terperinci bagi tujuan penambahbaikan dari masa ke semasa.

### Rujukan

- Ab Aziz Yusof. (2009). *Pendidikan Keusahawanan dalam Konteks Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ashmore, C.M.1989. *The power of entrepreneurship: a process perspective*. Canada: Thompson South Western.

- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar dan Najwa Hanis Azmi. (2012). *Potensi Keusahawanan Dan Ciri-Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Social Sciences & Technology.
- Bird, B. & Jelinek, M. (1988). *The Operation of Entrepreneurial Intention*. Entrepreneurship Theory and Practice, 13(2), 21–29.
- Barjoyai Bardai. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Chen Yee Liang, Muhammad Hussin & Norasmah Othman. (2016). *Tekad Keusahawanan Berunsurkan Minda Kelas Pertama: Satu Kajian Tinjauan Terhadap Pelajar IPT (The Entrepreneurship Level based on First Class Mentality: A Study of Survey on Students of Institution of Higher Learning*. Jurnal Personalia Pelajar 19(2016): 67-78.
- Dayu Arya Pambudiarti & Rr. Indahria Sulistyarini. (2017). *Hubungan Antara Optimisme dan Kesejahteraan Subjektif Pada Pasien Asma*. Program Studi Psikologi Fakultas Psikologi Dan Ilmu Sosial Budaya Universitas Islam Indonesia, Yogyakarta.
- Faradillah Iqmar Omar & Samsudin A. Rahim. (2016). *Faktor Kejayaan Usahawan Wanita Dalam Talian: Suatu Tinjauan Awal*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gusniar Nurdin, Geraldine K.L. Chan, Sivapalan Selvadurai & Suraiya Ishak. 2014. *Hubungan Sosial Dan Perniagaan Kecil-Kecilan Di Malaysia – Tingkah Laku Inovatif Usahawan Wanita Atas Talian* GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space 10 issue 6 (206 - 218).
- Humam Hj Mohamed. (1988). *Entrepreneurial development in Malaysia with special reference to training and development initiatives*. Thesis PhD. Stirling University of Stirling.
- Kamus Dewan (2002). Edisi Ke 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012) *Kreativiti dan Inovasi Elemen Merentas Kurikulum dalam KSSR*.
- Mazurah Mansur. (2015). *Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Konsultasi Terhadap Tekad Keusahawanan Pelajar Politeknik*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Miller, M.D. (1983). *A model of life long entrepreneurship education*. Kertas kerja The National Centre for research in Vocational Education, Columbus, Ohio, 21-22 September.
- Mohd Asri Feair dan Ahmad Esa. (2012). *Penerapan Kemahiran Keusahawanan Menerusi Kokurikulum Badminton Dalam Kalangan Pelajar UTHM*. Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV Kali Ke-2.
- Mohd Hafeez Al-Amin Bin Adul Wahab. (2013). *Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Bidang Kejuruteraan Mekanikal Di Uthm*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Penerbit UTM Press. All rights reserved.
- Mohd Osman, M.H. (2007). *Faktor-faktor Yang Telah Mendorong Graduan Alumni UTM Menceburi Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda.
- Mohd Shahrir bin Abdullah. (2015). *Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar –Pelajar Diploma Kejuruteraan Politeknik Dalam Menceburi Bidang Keusahawanan*
- Mohd Yusof Husaina, Mohamad Sattar Rasulb, Ramlee Mustaphaa, Syed A. Malika dan Rose Amnah Abd Rauf. (2013). *Tahap Kemahiran Employability Pelajar Kejuruteraan dari Perspektif Majikan*. Jurnal Teknologi.
- Mohd Zailani Ibrahim, Ramlah Hamzah, dan Mohd Ibrahim Nazri. (2014). *Tekad Keusahawanan Tani dalam Kalangan Pelajar Sains Pertanian Sekolah Menengah*. Penerbit UTM Press.

- Mohd Zailani Ibrahim, Ramlah Hamzah, & Mohd Ibrahim Nazri. (2014). *Tekad Keusahawanan Tani dalam Kalangan Pelajar Sains Pertanian Sekolah Menengah*.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Saedah Siraj, Radzuan Kassim, Husaina Banu Kenayathulla, Shahril@Charil Marzuki dan Faisol Elham. (2013). *Amalan Sekolah Cemerlang Di Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama: Satu Perbandingan*. The Online Journal of Islamic Education.
- Norhasyikin binti Rozali, Shuhairimi Abdullah, Zaihana binti Manshor dan Balqis binti Yaacob@Salleh. (2017). *Penerokaan Bidang Keusahawanan Sosial Dalam Konteks Pengiktirafan Peluang Dalam Kalangan Usahawan Sosial Orang Kurang Upaya (Oku)*. Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE) Vol. 1: no.1 (2017) page 21–28| gbse.com.my | eISSN 24621714|
- Nur Iwani Azmi & Mohamad Hisyam Mohd. Hashim. (2013). *Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Pelaksanaan Pendidikan Asas Vokasional: Transformasi Sistem Pendidikan Di Malaysia*. Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (CiE-TVET 2013)
- Nur Zafirah Binti Abdul Rahim. (2017). *Impak Kursus Keusahawanan Terhadap Kecenderungan Pelajar Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rosli Mahmood, Azrain Nasyrah Mustapa, Rosli Mohd Saad, Mohamad Yusof Mohd Jani, Norria Zakaria, Syahrina Abdullah, Ahmad Khairi Yahya, Hoe Chee Hee,
- Sarimah Che Hassan, Norlizah Che Hassan dan Dr Nor Aisyah Buang. (2010). *Penguasaan Kemahiran Insaniah (Kemahiran Keusahawanan) Dalam Kalangan Guru Sekolah Di Malaysia*. Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010.
- Seligman, Martin E.P. (2006). *Learned Optimism: How to Change Your Mind and Your Life* New York: Pocket Books
- Shapiro Lawrence, E. (1997). *Mengajarkan Kecerdasan Emosional Pada Anak Jakarta : Gramedia Utama*.
- Siti Najihah. (2007). *Teori Dan Model Kreativiti dan Inovasi Serta Teknik Memperkasakan Pemikiran Kreatif dan Inovatif*.
- Snyder, C. R., & Lopez, S. J. (2002). *Handbook of positive psychology*. New York: Oxford University Press.
- Suraiya Ishak & Ahmad Raflis Che Omar. (2015). *Keusahawanan Sosial sebagai Satu Pendekatan Inovatif ke arah Transformasi Sosial Masyarakat: Kajian kes di Malaysia*. GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space 11 issue 8 (38 - 51) Themed issue on Attitudinal and Institutional Dimensions of Malaysia's Development © 2015, ISSN 2180-2491.
- Ura Pin @ Chum. (2012). *Penilaian Program Perintis Usahawan Di Sekolah Rendah*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Marzuki bin Wan Ismail, Hafizoah binti Kassim & Munira binti Abdul Razak. (2016). *Penerapan Kreativiti di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Mata Pelajaran Jawi: Kajian Rintis*. He National Conference for Postgraduate Research 2016, Universiti Malaysia Pahang.
- Yahaya Buntat1 & Noor Sharliana Mat Nasir. (2011). *Faktor-Faktor Yang Mendorong Kreativiti Di Kalangan Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia*. Journal of Educational Psychology and Counseling, volume 2, Pages 175-208 / ISSN: 2231-735X

- Yap Poh Moi. (2002). *Kesediaan guru-guru perdagangan terhadap pengajaran subjek pengajian keusahawanan*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Abd. Rahim Bakar & Mohd. Majid Konting. (2002). *Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar*. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 10(1): 53-61